AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

## 222 Ahli Parlimen jalani saringan COVID-19

**Putrajaya:** Sebanyak 750 ujian saringan COVID-19 dilakukan ke atas kakitangan Parlimen termasuk 222 Ahli Parlimen menjelang Persidangan Dewan Rakyat, esok.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata setakat ini hasil ujian saringan dibuat adalah negatif.

"Semalam (kelmarin) adalah hari terakhir kita buat ujian saringan COVID-19 untuk semua Ahli Parlimen dan warga kerja Parlimen.

"Keputusan setakat ini, tiada yang positif. Bagaimanapun, Kementerian Kesihatan (KKM) akan terus memantau," katanya pada sidang media harian COVID-19 di sini, semalam.

Dr Noor Hisham sebelum ini dilaporkan berkata, semua wakil rakyat dan petugas pada persidangan Dewan Rakyat esok, perlu menjalani ujian saringan COVID-19.

Katanya, langkah itu bagi membendung penularan wabak berkenaan dan sebagai sebahagian daripada normal baharu yang perlu diamalkan.

Dewan Rakyat akan bersidang selama sehari esok selepas mengambil kira keadaan semasa, terutama dalam membendung pandemik COVID-19.

Persidangan berkenaan hanya membabitkan perasmian pembukaan dan titah ucapan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah serta tiada usul lain atau soal jawab selepas itu.

*Penularan COVID-19*

# 317 kes positif babit budak bawah 12 tahun

## Ibu bapa, penjaga dinasihat lindungi golongan berisiko

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan mencatatkan 317 kes positif COVID-19 membabitkan kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah.

Justeru, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham, menasihatkan ibu bapa dan penjaga supaya memainkan peranan melindungi golongan berisiko terbabit daripada dijangkiti virus berkenaan.

"Daripada jumlah itu, 112 kes membabitkan kanak-kanak berusia empat tahun ke bawah atau 35 peratus dan 22 kes lagi dalam kalangan bayi berusia kurang satu tahun.

"Setakat ini, tiada kes kematian positif COVID-19 dicatatkan dalam kalangan kanak-kanak berusia bawah 12 tahun," katanya pada sidang media harian COVID-19 di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Selangor mencatatkan bilangan kes positif kanak-kanak tertinggi, iaitu 77 kes, diikuti Negeri Sembilan (48), Johor (46), Kuala Lumpur dan Putrajaya (28) serta Sabah (26).

Mengulas lanjut, beliau berkata, ibu bapa dan penjaga perlu memberi didikan kepada kanak-kanak supaya dapat mengamalkan tahap kebersihan yang tinggi termasuk memakai pelitup muka dan membasuh tangan menggunakan sabun.

"Kementerian menasihatkan ibu bapa, penjaga dan ahli keluarga menjalankan tanggungjawab melindungi mereka setiap masa supaya tidak terdedah kepada virus ini.

"Masyarakat umum juga disarankan untuk sama-sama membantu melindungi kanak-kanak dan bayi dengan mengelak daripada berada dalam jarak kurang satu meter daripada mereka," katanya.

Sementara itu, 73 lagi pesakit sembuh daripada COVID-19 semalam menjadikan jumlah terkumpul sebanyak 5,512 kes.

Katanya, pertambahan kes berkenaan menjadikan peratusan jumlah kes sembuh 80.21 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Sebanyak 17 kes baharu dilaporkan setakat jam 12 tengah hari semalam.

"Daripada jumlah berkenaan, sebanyak enam kes dalam kalangan kes import dan 11 kes lagi penularan tempatan membabitkan bukan warga asing," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, dengan pertambahan jumlah kes baharu itu, menjadikan jumlah kumulatif kes sebanyak 6,572 kes.

Katanya, ada pertambahan satu kes kematian, menjadikan jumlah keseluruhan kematian di negara ini sebanyak 113 kes.

"Bagi kematian ke 113 ia membabitkan kes ke-6,856 iaitu seorang wanita warganegara Malaysia berumur 53 tahun. Beliau ialah kakitangan perubatan KKM di Sabah, namun diberikan cuti sakit kerana penyakit barah peringkat akhir.

"Beliau dimasukkan ke Hospital Wanita dan Kanak-kanak Sabah, Likas pada 5 Mei 2020 disebabkan kesihatan beliau yang semakin merosot, namun didapati positif COVID-19 dan disahkan meninggal dunia pada 7 Mei lalu jam 1.30 tengah hari," katanya.

Mengulas lanjut kes kematian berkenaan, Dr Noor Hisham berkata, wanita terbabit meninggal dunia bukan disebabkan COVID-19, tetapi kerana penyakit barahnya.

"Bila pesakit dibawa ke hospital, kita akan laksanakan ujian saringan COVID-19 ke atas pesakit dan apabila ujian diambil, ternyata pesakit terbabit positif virus berkenaan.

"Kita belum tahu punca beliau dijangkiti virus itu sama ada daripada individu yang datang merawatnya di rumah mahupun pelawat yang datang ke rumahnya," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, walaupun wanita terbabit meninggal dunia disebabkan penyakit barah, kementerian tetap mengambil kira jumlah kes wanita terbabit kerana beliau sudah disahkan positif COVID-19.

"Setakat ini, jika ada kematian bukan disebabkan COVID-19, tetapi individu terbabit disahkan positif, kita tetap akan masukkan jumlah keseluruhan kes terbabit," katanya.



*Petugas barisan hadapan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur bersiap sedia untuk menjalankan saringan ke atas semua penumpang yang tiba dari luar negara.* (Foto ihsan FB Dr Noor Hisham)



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : LOKAL

# 317 KES BUDAK POSITIF COVID-19

## *Tiada kes kematian babit pesakit usia 12 tahun ke bawah*




Oleh Mohd Firdaus Ibrahim dan Raja Noraina Raja Rahim
am@hmetro.com.my



IBU BAPA perlu memberi perlindungan kepada anak-anak mereka daripada dijangkiti koronavirus.

**Kuala Lumpur**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan terdapat 317 kes positif Covid-19 dalam kalangan kanak-kanak 12 tahun ke bawah sehingga semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, 112 kes atau 35 peratus adalah dilaporkan dalam kalangan kanak-kanak berusia empat tahun ke bawah dan 22 kes membabitkan bayi berusia kurang setahun.



DR Noor Hisham

"Setakat ini tiada kes kematian positif Covid-19 direkodkan dalam kalangan kanak-kanak (berusia) bawah 12 tahun," katanya pada sidang media harian di Putrajaya, semalam.

Menurutnya, Selangor mencatatkan bilangan kes positif Covid-19 tertinggi dalam kalangan kanak-kanak bawah 12 tahun iaitu 77 kes, diikuti Negeri Sembilan (48), Johor (46), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (28) serta Sabah (26).

Katanya, kanak-kanak dan bayi memerlukan ibu bapa, penjaga dan ahli keluarga yang lebih tua untuk melindungi mereka daripada bahaya jangkitan Covid-19.

"Ibu bapa dan penjaga perlu memberi didikan kepada kanak-kanak supaya mereka dapat mengamalkan tahap kebersihan tinggi, sentiasa mencuci tangan dengan air dan sabun serta sangat digalakkan memakai pelitup muka di kawasan umum," katanya.

## RINGKAS

### Isi borang sebelum masuk Sabah

**Kota Kinabalu:** Orang awam yang ingin memasuki Sabah untuk tujuan 'perkhidmatan penting' dan urusan rasmi perlu mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Ketua Menteri (JKM) dengan mengisi Borang Kelulusan Khas secara dalam talian.

Pengarah Kesihatan Sabah, Datuk Dr Christina Rundi berkata, borang berkenaan boleh diakses melalui capaian di https://forms.gle/GfQBdvBDDZXp9JyH8.

"Penyediaan dokumen yang berkaitan dan keputusan ujian Covid-19 akan melancarkan urusan kemasukan ke Sabah.

"Keperluan kuarantin dan tempat kuarantin bergantung kepada penilaian ke atas tujuan kemasukan, risiko dan tahap kesihatan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, individu yang ingin memasuki Sabah juga dinasihat agar menghubungi Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) melalui talian 088-219455.

Dr Christina juga menasihatkan semua individu yang balik ke Sabah agar sentiasa mengamalkan jarak sosial, memakai pelitup separuh muka, menjalani saringan gejala dan suhu badan di pintu masuk. - Bernama

## 17 kes baharu, satu kematian

**Kuala Lumpur:** Satu kematian berkaitan jangkitan Covid-19 dilaporkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) setakat jam 12 tengah hari, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia menjadikan jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia kekal 113 kes.

Beliau turut memaklumkan sehingga jam 12 tengah hari, terdapat 17 kes baharu dilaporkan dengan lima kes adalah dalam kalangan bukan warganegara Malaysia.

Katanya, jumlah kes positif Covid-19 di negara ini adalah 6,872 kes dan jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 adalah 1,247 kes.

"Sehingga kini, seramai 13 kes positif Covid-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah itu, lima kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya, semalam.

**Jumlah kes positif Covid-19 adalah 6,872 kes**

Mengulas mengenai kes kematian terbaharu itu, Dr Noor Hisham berkata, kes kematian ke-113 (kes ke-6856) membabitkan wanita tempatan berusia 53 tahun.

"Beliau mempunyai sejarah penyakit barah dan darah tinggi.

Beliau adalah seorang kakitangan perubatan KKM di Sabah namun bercuti sakit disebabkan barah.

"Beliau dimasukkan ke Hospital Wanita dan Kanak-kanak Sabah, Likas pada 5 Mei lalu disebabkan kesihatan beliau yang semakin merosot sebelum didapati positif Covid-19 dan disahkan meninggal dunia pada 7 Mei jam 1.30 tengah hari," katanya.

**AKHBAR : THE STAR**
**MUKA SURAT : 7**
**RUANGAN : NATION**

## Covid-19: Current situation globally

*(As of 7pm May 16, 2020)*

| Malaysia | New cases | Total cases | Total deaths | Total recovered |
|---|---|---|---|---|
| | 17 | 6,872 | 113 | 5,512 |

| Asean+ | India | China | Singapore | Indonesia | Japan | Philippines | S. Korea | Thailand | Vietnam | Myanmar | Brunei | Cambodia | Laos |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Confirmed cases | 86,508 | 82,941 | 27,356 | 17,025 | 16,203 | 12,305 | 11,037 | 3,025 | 314 | 182 | 141 | 122 | 19 |
| Deaths | 2,760 | 4,633 | 21 | 1,089 | 713 | 817 | 262 | 56 | 0 | 6 | 1 | 0 | 0 |
| Recovered | 30,773 | 78,219 | 7,248 | 3,911 | 10,338 | 2,561 | 9,851 | 2,855 | 260 | 89 | 136 | 122 | 14 |

| Global Top 10 | US | Spain | Russia | UK | Italy | Brazil | France | Germany | Turkey | Iran |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Confirmed cases | 1,484,287 | 274,367 | 272,043 | 236,711 | 223,885 | 220,291 | 179,506 | 175,699 | 146,457 | 118,392 |
| Deaths | 88,507 | 27,459 | 2,537 | 33,998 | 31,610 | 14,962 | 27,529 | 8,001 | 4,055 | 6,937 |
| Recovered | 327,751 | 188,967 | 63,166 | N/A | 120,205 | 84,970 | 60,448 | 152,600 | 106,133 | 93,147 |

# 'Children under 12 vulnerable'

## Health DG tells parents to follow SOP and not to let down guard during Raya

By ASHLEY TANG
ashleytang@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** The Health Ministry has advised parents to keep children safe in the upcoming Hari Raya break as there are now 317 cases detected in those below the age of 12.

Of the 317 cases, Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said 112 cases involved children below four years old.

Another 22 infections were found in babies less than one year old.

"To date, there are no deaths recorded among children under 12 years old," he said during his daily briefing yesterday.

Dr Noor Hisham said children under the age of 12 in Selangor recorded the highest Covid-19 numbers with 77 cases, followed by Negri Sembilan (48), Johor (46), Kuala Lumpur and Putrajaya (28), Sabah (26) and others.

Hence, Dr Noor Hisham said apart from the elderly, children and babies are also in the high-risk groups.

"Children and babies have to be protected to ensure that they are not exposed and be infected with Covid-19," he said.

Dr Noor Hisham said parents and guardians of children should tell youngsters about good hygiene practices such as washing their hands with soap and water.

Children are also encouraged to wear face mask in public areas, he added.



**Rising risks:** Dr Noor Hisham speaking to the media while deputy director-general Datuk Dr Rohaizat Yon looks on at the Health Ministry in Putrajaya.

During the press conference, Dr Noor Hisham also noted that the ministry has so far not seen severe cases in children who have the virus in the country.

It is known that the virus affects the lungs, thus resulting in a patient developing pneumonia and blood clots, he said.

In children, he noted that there is a risk of them developing the Kawasaki syndrome, where there is an inflammation of the blood vessels.

"These are the symptoms that they can have. The symptoms start with fever and then inflammation of the blood vessels," he said.

There have been foreign news reports about a rare and severe inflammatory syndrome, like the Kawasaki disease, that have been detected in children.

The Kawasaki disease is an inflammatory disorder that causes blood vessels to become inflamed.

"We hope we can continue to make sure that we can give good quality care to our children once they have been diagnosed as Covid-19 positive," he said.

Dr Noor Hisham also reminded families to bathe or at least wash their hands first before touching their children when they get home.

"This is because we are exposed to the virus that is in the community. Every time we go home, we are bringing the virus along and through that we can infect the elderly and children," he said.

With the festive holiday around the corner, Dr Noor Hisham urged the public to comply with the standard operating procedure that has been provided by the ministry to ensure that children and families stay safe from the virus.

Meanwhile, Dr Noor Hisham said there were 17 new Covid-19 cases on Saturday, bringing the total number of infections in the country to 6,872.

Out of the 17 new cases, he said six were imported while 11 were local transmission.

Five of the 17 infections were detected among foreigners.

Dr Noor Hisham also said that 73 patients were discharged in the same 24-hour span.

He said this meant that 5,512 patients had recovered from Covid-19 in Malaysia since the outbreak began.

"There are 13 positive Covid-19 cases who are being treated in the intensive care unit and, of that total, five need ventilator support," he said.

Dr Noor Hisham also said that one death was recorded, bringing the death toll to 113.

Separately, Dr Noor Hisham said more than 750 parliament staff as well as MPs have been screened for the virus.

Up till now, none of them had been found to be infected.

Watch the video
thestartv.com

# SOP for houses of worship to be finalised

**PUTRAJAYA:** The standard operating procedure (SOP) related to the opening of non-Muslim houses of worship during the conditional movement control order (MCO) period will be finalised by tomorrow, says the National Unity Ministry (KPN).

In a statement yesterday, KPN said minister Datuk Halimah Mohamed Sadique had an online meeting with representatives of religious bodies on Friday to discuss in general the SOP proposed by KPN and the Health Ministry.

The ministry said the representatives of various religions like Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism provided feedback and listed selected houses of worship in Covid-19 green zones that could be reopened.

Among the religious bodies that took part in the meeting were the Christian Federation of Malaysia, Malaysian Gurdwaras Council, Malaysian Buddhist Association, Young Buddhist Association of Malaysia and Federation of Taoist Associations Malaysia.

Others included the Christian Youth Association of Malaysia, Fo Guang Shan Malaysia, Singapore, Thailand and Indonesia, National Evangelical Christian Fellowship Malaysia, Malaysia Hindu Sangam, Buddhist Missionary Society Malaysia and Council of Churches of Malaysia.

KPN said a follow-up meeting would be held tomorrow to finalise the SOP.

From there, Halimah would submit a list of houses of worship that would be allowed to reopen together with the related SOP to the National Security Council on Tuesday, it added.

The SOP for the reopening of selected mosques and surau was issued on Thursday and Friday. — Bernama

# Sabah visitors told to apply via CM's dept

**KOTA KINABALU:** Malaysians in essential services and those needing to enter Sabah on official matters are urged to get approval by submitting a form provided by the Chief Minister's department.

State Health Department director Datuk Dr Christina Rundi said these application forms for approval could be obtained via *https://forms.gle/GfQBdvBDDZXp9JyH8*.

She said it would make it easier and faster for them to enter Sabah if they completed the forms and prepared the required documents, including Covid-19 test results.

The need for quarantine would depend on the assessment of their entry purpose, health risks and conditions, she said.

"They are advised to contact the Sabah Health Department's Crisis Preparedness and Response Centre at 088-219455 or email to *sbhcprc@moh.gov.my* for further clarification," Dr Rundi said.